



**UNTUK SIARAN SEGERA**

**KENYATAAN MEDIA**

**MAKLUMBALAS VIRAL MENGENAI FENOMENA  
KERANG MUNCUL DI PULAU KETAM, SELANGOR**

Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) ingin memberikan maklumbalas tular (*viral*) mengenai fenomena kerang yang muncul di Pulau Ketam, Selangor seperti yang disiarkan oleh pihak media baru-baru ini.

Siasatan awal pihak jabatan mendapati bahawa ribuan **kerang yang muncul di Pulau Ketam, Selangor adalah sejenis spesies asing, dikenali sebagai kupang coklat atau siput rantai.**

Ianya merupakan fenomena air pasang besar di mana arus telah membawa spesies kupang ini ke kawasan dasar berpasir di Pulau Ketam dan dilihat berlaku lambakan apabila kawasan berair menjadi surut kering.

Walaupun bagaimanapun, **kupang ini berisi kecil dan tiada nilai komersil** serta perlu dibersihkan kerana boleh menutupi jaring sangkar sekaligus menjejaskan ternakan ikan sangkar.

Kawasan yang seperti disiarkan di dalam beberapa media sebelum ini adalah bukan kawasan ternakan kerang, tetapi ianya adalah habitat sedia ada bagi spesies siput buluh.

DOF sedang menjalankan kajian santifik mengenai kupang ini dan akan memaklumkan perkembangannya sedikit masa lagi.

**–tamat –**

Kenyataan Media Ini Disiarkan oleh:-

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**  
Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia  
**PUTRAJAYA**

12 Oktober 2018 (Jumaat) jam 2.30 petang

---

Sebarang pertanyaan sila hubungi:-

No. Tel : 012-3569344 (Yazeereen)  
013-6317313 (Sharir)

Email : [ukk@dof.gov.my](mailto:ukk@dof.gov.my) ; [pro@dof.gov.my](mailto:pro@dof.gov.my)

## LAMPIRAN



Rajah 1: Ukuran Sampel Siput Rantai Yang Diambil



Rajah 2: Siput Rantai/Kupang Coklat



Rajah 3: Lokasi Sampel Siput Rantai di Pulau Ketam, Klang